

# Lampiran Penerangan Produk - Insurans Kebakaran

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil **Insurans Kebakaran**. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

CHUBB®

## 1. Apakah produk ini?

---

Polisi ini memberikan perlindungan kepada anda untuk harta anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran atau kilat dan peril lanjutan.

## 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

---

Polisi ini melindungi:

- Kerugian atau kerosakan pada harta anda akibat daripada kebakaran atau kilat dan peril lanjutan.

You may extend coverage to the following risks by paying additional premium:

- Kerosakan pesawat, kerosakan hentaman, gempa bumi dan letusan gunung berapi
- Ribut & ribut kencang, Banjir, Letupan, Paip pecah atau limpahan paip
- Penenggelaman bumi & tanah runtuh
- Kebakaran Semak/Lalang, Pembakaran Spontan, Kebocoran Pemercik
- Rusuhan, mogok dan kerosakan niat jahat
- Kerosakan disebabkan oleh pokok tumbang atau ranting patah dan objek daripadanya;

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Nota: Penerangan mengenai perlindungan yang tersedia hanya sebagai ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lengkap perlindungan/manfaat di bawah Polisi ini.

## 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

---

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada Jumlah yang Diinsuranskan, jenis perdagangan atau perniagaan yang dijalankan di premis dan keperluan pengunderaitan Kami.

## 4. Apa yang perlu saya bayar selain daripada Premium?

---

- Duti setem - RM10
- Cukai (jika berkenaan) - 6% daripada premium
- Komisen yang dibayar (termasuk dalam premium) kepada Perantara Insurans (jika ada) - maksimum sehingga 15% daripada premium.

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diambil perhatian?

---

- Kepentingan pendedahan

Tanggungjawab anda kepada kami untuk Polisi Insurans Pengguna

Sekiranya Polisi ini ialah Polisi Insurans Pengguna, sebelum Polisi ini dibuat, diubah atau diperbaharui, Anda mesti mengambil langkah-langkah sewajarnya:

- (a) supaya tidak membuat salah nyata kepada Kami dalam menjawab apa-apa soalan yang Kami ajukan;
- (b) mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara, selain daripada apa yang Kami minta dalam (a) di atas, yang Anda ketahui adalah relevan dengan keputusan Kami sama ada menerima risiko atau tidak serta kadar dan terma yang akan dikenakan.

Tanggungjawab anda kepada kami untuk Polisi Insurans bukan Pengguna

Sekiranya Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, sebelum kontrak Polisi ini dibuat, diubah atau diperbaharui, Anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan kepada Kami apa-apa perkara yang:

- (a) Anda tahu adalah relevan dengan keputusan Kami sama ada menerima risiko atau tidak serta kadar dan syarat yang akan dikenakan; atau
- (b) seseorang yang wajar dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevan.

“Polisi Insurans Pengguna” bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh seseorang untuk tujuan peribadi sahaja yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

Polisi Insurans bukan Pengguna ialah polisi selain daripada Polisi Insurans Pengguna.

Tanggungjawab pendedahan anda adalah berterusan sehingga kontrak dibuat, diubah dan diperbaharui.

- Anda mesti memastikan bahawa harta anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan ke atas harta anda.
- Anda boleh memilih untuk menginsuranskan harta anda berdasarkan Nilai Pasaran atau Nilai Pengembalian Semula:
  - Asas nilai pasaran - kami akan membayar kos membaiki harta yang rosak tidak termasuk amaun bagi haus, lusuh, dan susut nilai.
  - Asas nilai pengembalian semula - kami akan membayar kos penuh untuk membaiki harta yang rosak tanpa sebarang potongan dibuat untuk haus, lusuh atau susut nilai, dengan syarat jumlah yang dilindungi mencukupi untuk menampung keseluruhan kos pengembalian semula harta tersebut.
- Polisi ini tertakluk pada Waranti Premium enam puluh (60) hari, iaitu premium mesti dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan. Sekiranya premium tidak dibayar dalam tempoh tersebut, polisi akan dibatalkan secara automatik dan premium pro rata untuk enam puluh (60) hari hendaklah dibayar kepada Penanggung Insurans.
- Sekiranya jumlah yang diinsuranskan dalam polisi anda kurang daripada nilai sebenar pada masa kerugian (iaitu insurans terkurang), anda akan dianggap menanggung sendiri perbezaannya. Syarat purata ini akan digunapakai sekiranya tuntutan dibuat.
- Lebihan, iaitu jumlah yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar ganti rugi kepada anda, digunapakai untuk peril tertentu, seperti tuntutan limpahan tangki air, ribut angin, gempa bumi dan banjir.

Perkara di atas adalah ringkasan sebahagian terma dan syarat utama polisi dan adalah tidak lengkap. Sila baca kontrak polisi untuk keseluruhan terma dan syarat insurans ini.

## 6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

---

Polisi ini tidak melindungi kerugian/kerusakan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada atau melalui atau akibat daripada:

- Kecurian semasa atau selepas kebakaran berlaku.
- Pembakaran harta atas arahan mana-mana Pihak Berkuasa Awam.
- Kebakaran, Pencemaran atau Kontaminasi Bawah Tanah
- Perang, perang saudara dan apa-apa tindakan keganasan
- Risiko tenaga radioaktif dan nuklear
- Pengenalan tarikh
- Kerosakan harta pada data atau perisian

Senarai ini tidak lengkap dan tidak terpakai untuk semua seksyen. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

© 2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb.Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.

## 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

---

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis secara bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda berhak mendapat bayaran balik premium yang ditolak premium berdasarkan kadar jangka pendek kami untuk tempoh polisi yang telah berkuat kuasa, tertakluk pada premium minimum yang akan dikekalkan oleh kami. Tiada bayaran balik premium yang akan dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat pertukaran pada butiran hubungan saya?

---

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami tentang apa-apa pertukaran dalam butiran hubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masa.

## 9. Dari mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

---

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kebakaran, anda boleh menghubungi perantara insurans anda, atau menghubungi kami di cawangan kami di seluruh negara atau di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad  
No. Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)  
Wisma Chubb  
38 Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
T +6 03 2058 3000  
F +6 03 2058 3333  
E [Inquiries.MY@chubb.com](mailto:Inquiries.MY@chubb.com)  
W [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my)

## 10. Perlindungan insurans serupa lain yang tersedia

---

Insurans Kebakaran Komersial dan Insurans Perniagaan FlexiGuard Plus

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INSURANS INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG PERLU DIBAYAR DI BAWAH POLISI INI ADALAH JUMLAH YANG MAMPU ANDA BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA INSURANS ATAU MENGHUBUNGI CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Terma dan syarat tepat yang berkenaan dinyatakan dalam kontrak polisi.

Helaian pendedahan produk ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat pertikaian antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunapakai.

Sila maklum bahawa:

- anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memberikan semua maklumat yang relevan kepada kami atau perantara kami agar kami dapat menyediakan produk kewangan yang paling sesuai kepada anda. Sekiranya anda menyembunyikan sebarang maklumat yang kami atau perantara kami minta, atau memberikan maklumat yang tidak tepat, kami mungkin tidak dapat mengesyorkan produk kewangan yang sesuai kepada anda untuk memenuhi keperluan anda;
- anda hendaklah membaca dan memahami syarat kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan kami atau perantara kami jika terdapat syarat yang tidak difahami, sebelum menerima kontrak polisi.

Dengan menerima kontrak polisi, anda memperakui bahawa perantara atau pegawai Chubb telah menerangkan kepada anda dengan jelas mengenai perlindungan kontrak polisi dan syarat-syarat kontrak utama, dan bahawa kontrak polisi yang ditawarkan sesuai untuk keperluan insurans anda.

Maklumat yang diperuntukkan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 15 October 2020.

CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

© 2020 Chubb. Tidak semua perlindungan terdapat di semua bidang kuasa. Chubb®, logo-logonya yang berkenaan dan Chubb.Insured.<sup>SM</sup> adalah cap dagangan yang dilindungi oleh Chubb.